

20 JUN 2002  
Parlimen-Lawatan  
LAWATAN PM BAWA PULANGAN YANG TINGGI KEPADA NEGARA

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini diberitahu bahawa lawatan rasmi dan tidak rasmi ke luar negara yang dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi pulangan yang tinggi kepada negara.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas berkata: "Jumlah perbelanjaan dalam lawatan-lawatan tersebut akan memberi pulangan yang jauh lebih tinggi, banyak perjanjian perniagaan telah ditandatangani yang akan memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak."

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Wan Junaidi Tuanku Jaafar (BN-Batang Lupar) sama ada hasil lawatan itu hanya memberi keuntungan kepada sektor perdagangan sahaja.

Beliau berkata selain daripada sektor perdagangan, lawatan-lawatan itu juga memperkukuhkan hubungan dua hala, mendapatkan sokongan dalam isu-isu antarabangsa dan memperkenalkan negara kepada negara asing.

Terdahulu ketika menjawab soalan asal Datuk Dr Hassan Mohamed Ali (PAS-Parit Buntar) yang meminta jumlah lawatan dan kos yang terlibat dalam lawatan rasmi Perdana Menteri itu, Douglas berkata daripada semua lawatan yang dibuat oleh Perdana Menteri sejak tahun 2000 hingga kini, hanya satu sahaja lawatan tidak rasmi yang dilakukan.

Katanya Dr Mahathir telah mengadakan lawatan rasmi dan tidak rasmi ke luar negara sebanyak 16 kali pada tahun 2000 dengan kos perbelanjaan sebanyak RM2,549,343 manakala pada 2001 sebanyak 14 kali dengan kos perbelanjaan sebanyak RM1,824,903.

Bagi tahun 2002 sehingga 13 Jun lepas, sebanyak 16 kali lawatan diadakan dengan kos perbelanjaan sebanyak RM8,548,316.60.

Katanya tujuan kesemua lawatan itu adalah mengeratkan hubungan dua hala, membincangkan isu-isu berkaitan dengan negara-negara berkenaan, isu-isu antarabangsa yang melibatkan kepentingan bersama, mencari peluang pelaburan dan menarik pelabur asing untuk melabur di negara ini.

Beliau Berkata ada di antara lawatan itu adalah atas jemputan khas kepada Perdana Menteri untuk menyampaikan ucapan mengenai pelbagai isu memandangkan dunia telah mengiktiraf beliau sebagai pemimpin dunia Islam dan mengenai pelbagai isu antarabangsa yang lain.

Douglas berkata dengan hubungan yang baik kerajaan telah dapat menjelaskan mengenai kestabilan politik negara, suasana pelaburan yang baik, kemudahan infrastruktur yang lengkap, rakyat yang mempunyai kesanggupan untuk bekerja kuat dan mempunyai kemahiran yang diperlukan serta daya tarikan dan inisiatif yang disediakan kepada pelabur asing.

Semasa menjawab soalan tambahan Dr Hassan mengenai sama ada perjanjian persefahaman (MoU) yang diadakan dengan beberapa buah negara luar dilaksanakan atau tidak, beliau berkata ramai usahawan negara memperolehi peluang perdagangan dan perniagaan dengan usahawan negara yang dilawati.

Katanya kerajaan telah mewujudkan sebuah jawatankuasa untuk memantau perkembangan MoU yang telah ditandatangani itu.

"Kerajaan juga mengambil berat sama ada MoU itu semata-mata hanya untuk publisiti atau betul hendak dilaksanakan sebagai satu hasil perdagangan," katanya.

-- BERNAMA  
FA AZH NMO